

# Persepsi Mengenai Hak Kebebasan Beragama dalam kalangan Penuntut Universiti Awam di Malaysia

**BITARA**

Volume 1, Issue 3, 2018: 068-083  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Perceptions of Religious Freedom Rights among Public University Students in Malaysia]

Nur Afifah Mohd Najib<sup>1</sup> & Ahmad Munawar Ismail<sup>1</sup>

### Abstrak

Seiring dengan perubahan semasa, masyarakat hari ini juga turut menunjukkan perubahan sikap dan tingkah laku yang semakin membimbangkan. Tambahan pula masyarakat Malaysia hari ini digemparkan dengan rusuhan yang berlaku yang melibatkan hak pemilikan rumah ibadat. Kesan daripada rusuhan tersebut telah menyebabkan kerosakan dan mendatangkan kecelakaan. Perkara ini perlu dipandang serius kerana ianya melibatkan isu hak kebebasan beragama dan bagaimana pandangan masyarakat mengenainya. Persepsi masyarakat terhadap hak kebebasan beragama ini perlu diambil serius agar keamanan Negara dapat dikekalkan dan tragedi sebegitu tidak berlaku lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi mengenai hak kebebasan beragama dalam kalangan penuntut Universiti Awam di Malaysia. Dengan menggunakan kajian tinjauan, sebanyak 435 set soal selidik daripada seramai 500 responden telah dianalisis. Profil responden yang diperoleh terdiri daripada 300 orang kaum Melayu, 98 kaum Cina, 30 kaum India dan 7 orang daripada kaum lain-lain. Responden dipilih dalam kalangan mahasiswa di Universiti Awam di Lembah Klang. Dapatan kajian ini mendapati persepsi mahasiswa terhadap hak kebebasan beragama adalah tinggi dengan skor min 3.67 dengan sisihan piawai 1.90. Dapatan yang terhasil daripada kajian ini, menunjukkan mahasiswa di universiti awam mempunyai pandangan yang positif terhadap hak kebebasan beragama.

### Kata Kunci

Mahasiswa, Kebebasan, Agama, Islam, Perlembagaan

### Abstract

Today, in line with recent shifts, society is also showing a changing attitude and behaviour. However, Malaysian society has today been rocked by a riot surrounding the right to own places of worship. The effect of the riot caused destruction and accidents. This needs to be taken seriously as it concerns the issue of religious freedom and how the public sees it. People's understanding of religious freedom must be taken seriously in order to preserve the stability of the country and to put an end to this tragedy. This study is therefore conducted to establish perceptions of religious freedom among public university students in Malaysia. A survey was used to evaluate 435 sets of questionnaires from 500 respondents. The profile of the respondents received consisted of 300 Malays, 98 Chinese, 30 Indians and 7 people from other races. Respondents were chosen from students at the Public University in the Klang Valley. The results of this study show that students' expectations of religious freedom are high with a mean score of 3.67 and a standard deviation of 1.90. The results of this study indicate that students at public universities have a favourable perception of religious freedom.

### Keywords

Students, Freedom, Religion, Islam, Constitution

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

#### Corresponding Author:

Ahmad Munawar Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: munawar@ukm.edu.my

**Cite This Article:**

Nur Afifah Mohd Najib & Ahmad Munawar Ismail. 2018. Persepsi mengenai hak kebebasan beragama dalam kalangan penuntut Universiti Awam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(3): 068-083.

## Pengenalan

Hak kebebasan beragama juga merupakan hak asasi manusia yang tidak boleh dinafikan. Kewujudan *Universal Declaration Human Right* (UDHR) merupakan salah satu cara yang digunakan pakai masyarakat seluruh dunia dalam memberi jaminan hak kepada setiap orang termasuklah hak kebebasan beragama. Meskipun ianya bukanlah kayu ukur yang dijamin akan keberkesanannya, UDHR dilihat tetap diiktiraf bagi memenuhi hawa nafsu bagi golongan yang dirasakan terpinggir haknya. Laungan serta slogan hak asasi manusia menjadi semboyan yang tidak pernah habis, sedangkan ianya langsung tidak memberikan keuntungan kepada diri sendiri. Oleh yang demikian, masyarakat Islam perlulah sedar akan kepentingan risalah daripada al-Quran dan Sunnah sebagai sumber panduan dalam memahami erti hak kebebasan agama yang sebenar di samping mengambil berat akan makna yang terkandung di dalam perlembagaan berkaitan peruntukan hak kebebasan beragama. Melalui perbahasan ini dapatlah dinilai persepsi mahasiswa terhadap hak kebebasan beragama dalam kalangan penuntut universiti awam di Lembah Klang bagi mengetahui sejauh manakah pandangan mereka terhadap perkara tersebut.

## Hak Kebebasan Beragama

Bersempena dengan pengisytiharan *Universal Declaration of Human Right* (UDHR) pada tahun 1948 di PBB, masyarakat seluruh dunia boleh menyuarakan apa sahaja hak mereka yang digelar dengan Hak Asasi manusia. Gagasan ini mendapat sokongan daripada badan bukan kerajaan (NGO) yang mana salah satu tuntutan mereka adalah supaya hak kebebasan beragama ini diterima secara terbuka tanpa mengira agama, budaya dan sebagainya. Tambahan pula masyarakat hari ini semakin mudah untuk mengakses maklumat dengan bantuan aplikasi telefon bimbit yang pelbagai bagi mencapai maklumat. Dunia di hujung jari memudahkan para pendukung hak asasi manusia ini memenangi hati masyarakat awam dengan provokasi supaya setiap individu menuntut hak mereka termasuk menuntut hak kebebasan beragama.

Sikap masyarakat yang menjadikan media sosial sebagai medium sumber ilmu membimbangkan kerana ianya medium yang tidak pasti sumber aslinya. Apabila melibatkan soal kebebasan beragama medium-medium ini boleh memberikan kesan buruk lagi parah. Meskipun begitu, dalam Malaysia hak kebebasan beragama bukanlah sesuatu yang asing kerana perkara ini sendiri terdapat dalam perlembagaan persekutuan iaitu melalui perkara 11 (1) iaitu “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya”. Tetapi perkara ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh dan diambil mudah terutama bagi masyarakat Melayu beragama Islam. Kesan daripada sikap tersebut menyebabkan masyarakat Islam semakin menjauh daripada ajaran agama Islam dengan berlakunya pelbagai masalah gejala sosial dan bertentangan dengan agama Islam itu sendiri

seperti murtad, hubungan songsang dan lain-lain lagi. Bagi mereka perkara-perkara tersebut merupakan hak individu yang tidak boleh dihalang dan tidak melanggar undang-undang dan perlembagaan.

## **Kebebasan Beragama dan Perlembagaan Persekutuan**

Menyebut hak kebebasan beragama bukanlah hanya difokuskan kepada Perkara 11 perlembagaan Persekutuan sahaja, tetapi ianya turut terkait dengan perkara 3, perkara 8 dan perkara 12. Kesemua perkara ini saling berkait dan berperanan menerangkan tentang hak kebebasan beragama di Malaysia. Meskipun begitu, hak kebebasan beragama ini perlu difahami dengan teliti agar ianya tidak disalah tafsir dan dipertikai oleh mana-mana kelompok masyarakat.

Malaysia yang digelar sebagai negara sekular dalam kertas majlis Undangan No. 42 tahun 1957 dan laporan suruhanjaya Reid, menetapkan Islam sebagai agama persekutuan tidak menghalang hak setiap orang untuk mengembangkan agama mereka kecuali sekiranya ia tertakluk kepada undang-undang Islam di peringkat Negeri (Mahmood Zuhdi 1997). Perkara ini terdapat dalam perlembagaan persekutuan iaitu dalam Perkara 11 (1) dan tertakluk kepada Fasal (4).

Oleh itu, kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan berkuasa menggubal undang-undang Islam, tetapi masih terikat dan ianya tidak bertentangan dengan kehendak peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan persekutuan (Mahmood Zuhdi 1997). Hal ini seperti yang tertulis pada Perkara 11 Fasal (5) iaitu “Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral”. Menurut Abdul Monir (1986) peruntukan yang dinyatakan dalam Perkara 11 ini keseluruhannya adalah supaya tidak menggugat ketenteraman dan bagi menjamin keharmonian antara kaum dan keadilan dalam masyarakat.

Melalui peruntukan Perkara 11 (1) itu juga, kebebasan menganut membawa maksud kebebasan untuk memilih suatu agama atau kepercayaan yang boleh dijadikan teras kehidupan (Zuliza 1999) yang mana peruntukan tersebut menjelaskan pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 Fasal (1)) mengambil kira hak kebebasan mengamalkan ajaran agama dengan melaksanakan, mempraktikkan dan melakukan suruhan agama yang juga boleh diguna pakai kepada penganut agama lain selagi mana ianya dilakukan secara aman dan tidak menggugat ketenteraman awam. Hal ini kerana, hak sivil mereka dilindungi Perkara 3 fasal (4). Bagi orang-orang yang bukan beragama Islam mereka juga dibenarkan untuk menyebarkan fahaman-fahaman agama atau kepercayaan mereka dalam kalangan penganut-penganut agama lain kecuali orang-orang Islam (Zuliza 1999; Ezad Azraai et al. 2011).

Kebebasan beragama ini turut terkait dengan Perkara 8 dan Perkara 12 yang mana ianya memperuntukkan perlindungan dan hak sama rata serta menghalang sebarang diskriminasi ke atas apa pun (Perlembagaan Persekutuan 2009). Dalam hal kebebasan beragama ini, Abdul Monir Yaacob (1986) menjelaskan bahawa Islam menghormati kebebasan beragama dan memberi pilihan kepada mana-mana individu untuk menganut sebarang agama. Prinsip ini menurut beliau bagi memelihara hak beragama seseorang dan selagi mana penghayatan cara

hidup masih tertakluk kepada undang-undang negara yang tidak mengugat keamanan masyarakat. Ini bermaksud, mengikut ajaran agama masing-masing dalam mengerjakan ibadat. Sehubungan dengan itu, kebebasan beragama yang diberikan bukanlah satu lesen kepada seseorang untuk bebas mendirikan tempat ibadat di mana sahaja mengikut suka, kerana perkara ini akan membawa kepada huru-hara dan kekacauan (Mahmood Zuhdi 1988).

Kebebasan beragama sebagaimana yang dinyatakan oleh Salleh Abbas (1997) adalah salah satu daripada peruntukan-peruntukan hak asasi yang biasa wujud dalam mana-mana perlembagaan negara yang diwujudkan kesan pengalaman politik di negara itu sendiri. Tetapi merujuk kepada kes-kes yang telah dibicarakan dalam mahkamah syariah di Malaysia, Aziz Bari (2001; 2002; 2006; 2008) berpendapat bahawa masyarakat Islam di Malaysia tidak diberi kebebasan dalam mengamalkan amalan (kebebasan) beragama meskipun tidak bertentangan dengan Islam. Menurut beliau lagi, kebebasan beragama di Malaysia perlu dilihat dalam konteks sejarah dan budaya negara Malaysia. Hal ini dapat menjamin keadilan di samping menjaga ketenteraman negara.

Mohamed Azam (2003) pula ada menyebut, dalam Islam, setiap individu mempunyai hak kebebasan beragama, mengamalkan dan beribadat mengikut agama yang dianutinya. Tambahan lagi beliau menyatakan bahawa al-Quran secara terang menekankan bahawa dalam keadaan mana sekalipun pun, seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganuti agama atau kepercayaan kecuali yang berlandaskan kehendaknya. Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali (2007) dalam hal kebebasan beragama ini berpendapat, setiap individu yang telah menganut sebarang agama adalah terikat dan berkewajipan dengan peraturan agamanya. Hak beragama ini bukanlah bersifat mutlak bahkan ianya adalah berdasarkan prinsip agama masing-masing. Hak kebebasan agama ini menurut Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang (2012) mencakupi hak perseorangan dan juga hak kumpulan. Perlu ditekankan bahawa hak kebebasan agama ini dijamin untuk semua orang, tidak mengira agama, asal keturunan dan sebagainya. Tetapi kebebasan beragama ini ianya tidak mutlak bagi penganut agama Islam kerana kedudukan Islam diberi keistimewaan perlembagaan apabila mereka dilindungi daripada penyebaran agama bukan Islam Perkara 11 Fasal (4) Perlembagaan Persekutuan.

Hak Kebebasan beragama yang terdapat dalam peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan Persekutuan menunjukkan bahawa hak Kebebasan beragama yang diberikan oleh perlembagaan persekutuan begitu jelas menjamin hak menganut dan mengamalkan agama dan menghadkan penyebaran agama. Bagi penganut beragama Islam pula mendapat perlindungan sebaiknya berbanding penganut agama lain. Meskipun begitu, perkara ini perlu difahami supaya peruntukan yang dikemukakan ini adalah bagi menjaga kestabilan masyarakat di Malaysia yang majoriti beragama Islam yang begitu sensitif terhadap penyebaran agama lain selain agama Islam (Ezad Azrai et al. 2011).

Secara keseluruhan dengan peruntukan-peruntukan yang ada menunjukkan bahawa hak kebebasan beragama dijamin kepada semua. Meskipun begitu, menurut Shamrahayu (2018), ianya masih mempunyai batasan-batasan tertentu bagi menjaga ketenteraman, kesihatan dan kemoralan masyarakat, tiada yang boleh dipaksa untuk membayar cukai sekiranya ia diperuntukkan atas tujuan selain daripada agama sendiri dan hak pengembangan agama bagi seseorang masih tertakluk kepada undang-undang negeri atau undang-undang Persekutuan sekiranya pengembangan itu dibuat dalam kalangan mereka yang sudah menganuti agama Islam. Hal ini penting bagi mengangkat Islam sebagai agama Persekutuan yang mampu

menjaga segenap aspek masyarakat berbilang kaum dan agama yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dan istimewa.

## Pandangan Barat Mengenai Kebebasan Beragama

Kehidupan barat yang dibahagikan kepada dua iaitu urusan Negara dan urusan persendirian kesan daripada pemisahan agama dan pentadbiran. Agama bebas dipilih atas nama hak asasi manusia (Ahmad 1999). Ini menjadikan seseorang itu berhak untuk menukar kepercayaan agama atau hak menyatakan pegangan agama secara terbuka tanpa sebarang ketakutan atau juga dipanggil kebebasan beragama (Curzon 2006). Kebebasan beragama ini juga diertikan sebagai setiap individu berhak memilih agama yang ingin dianuti, mengamalkan agama yang dipilih tanpa sebarang ketakutan (Tri Yuliana 2016).

Sorotan sejarah barat ini bermula dengan perubahan pemikiran dalam kalangan intelektual barat dalam menangani isu-isu berkaitan agama yang menjadikan mereka mulai sedar bahawa ianya boleh diserapkan ke dalam pandangan dunia, keadaan ini dipanggil pencerahan (*Enlightenment*) (Khalif Muammar 2009). Proses perubahan cara berfikir dalam kalangan tokoh ilmuwan barat telah merubah corak pemahaman mereka terhadap agama sehingga membentuk sistem nilai yang tersendiri menyebabkan mereka ingin keluar daripada kongkongan agama yang dinamakan sebagai fahaman sekularisme (al-Attas 1993). Pada tahap ini kitab-kitab agama juga mula dikritik dan fatwa-fatwa gereja mula ditentang (Idris Zakaria 2006).

Kesan corak pemikiran yang terlalu ekstrem terhadap pandangan akal telah menjadikan masyarakat Eropah bebas membahaskan soal agama dan kewujudan Tuhan menggunakan logik akal semata. Pemikiran secara Liberal ini menjadikan masyarakat Eropah melihat kebenaran sebagai suatu yang relatif sehingga mereka merasakan masyarakat Eropah akan terus mundur sekiranya berpegang dengan agama (Idris Zakaria 2006 & Khalif Muammar 2009). Masyarakat barat ini memilih untuk tidak terikat dengan agama adalah disebabkan kesan trauma sejarah yang pernah dilalui oleh mereka. Sejarah hitam yang menyelubungi kehidupan mereka yang mana agama telah memaksa semua lapisan masyarakat agar patuh kepada kuasa agama dan gereja berkaitan agama Kristian Katolik. Pengalaman pahit ini digelar oleh mereka sebagai *The Dark Age*. Selain itu, kejahilan mereka terhadap Kitab Injil juga merupakan faktor kepada permasalahan mereka terhadap teologi dan masalah-masalah yang berlaku berkaitan teologi Kristian. Kefahaman dan pengetahuan yang cetek akan hal agama menjadikan mereka tiada arah dan tidak mahu lagi merujuk kepada agama. Antara faktor itulah menjadikan corak berfikir secara sekular dan liberal menguasai mereka sehingga menilai dan menyelesaikan masalah dengan menggunakan akal semata (Adian Husaini 2005; Idris Zakaria 2006).

Natijah yang lebih ketara hasil pemikiran tersebut membentuk satu fahaman baru iaitu Pluralisme agama. Pluralisme merujuk kepada falsafah kewujudan pelbagai agama dan (*religious truth claim*) dakwaan terhadap kebenaran yang diajukan bagi setiap agama. Istilah *Inklusivisme* ini dipopularkan bagi mengambil hati penganut pelbagai agama yang membawa maksud wujudnya satu agama yang mutlak, manakala agama lain hanyalah sebahagian daripada kebenaran mutlak itu (Haslina 2014). Faham Inklusif ini telah diterima oleh gereja Roman Katolik pada akhir kurun ke 20 adalah disebabkan ianya memberi jaminan keselamatan kepada agama lain tanpa mengganggu status *quo* agama Kristian sebagai kebenaran yang mutlak (Haslina 2014).

Falsafah pluralisme agama yang bertitik tolak daripada zaman *englightent* (Anis Malik Thoha 2005) ini sangat memberikan pengaruh yang besar kepada pemikiran masyarakat Eropah. Tambahan pula ianya tidak lari daripada pengaruh Barat dan bermula sejak zaman pascamodenisme wujudnya idea *no truth claim* dan pemikiran. Hal ini berlaku kesan daripada tidak mampu mempertahankan agama mereka secara rasional relativisme (Khalif Muammar 2013).

Pandangan Barat yang lebih mengagungkan penggunaan akal Rasional ini, menjadikan mereka lebih terbuka dalam menerima kepelbagaiannya agama dalam mencari kebenaran. Sehinggakan sesiapa sahaja boleh membahaskan tentang kewujudan Tuhan dan menjadikan agama sebagai suatu yang boleh diubah suai mengikut selera dan keperluan semasa supaya dilihat kononnya hak asasi manusia itu dijaga.

## **Kebebasan Beragama dalam Islam**

Perbincangan hak kebebasan agama dalam perspektif Islam tidak boleh lari daripada melihat kepada sumber rujukan utama bagi umat Islam iaitu al-Quran dan diperjelaskan lagi dengan penerangan daripada Hadis. Daripada ini kita boleh menilai samada tafsiran daripada ulama terhadap ayat Quran ini mempunyai penilaian yang sama atau tidak daripada sudut pandang masyarakat awam. Disini diberikan beberapa ayat al-Quran dan hadis serta beberapa pandangan ulama tentang hak kebebasan beragama, antara ayat al-Quran (al-Kahfi 18: 29) dan hadis tersebut seperti:

وَقُلْ لِّلْحُقُّ مِنْ رَّبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلِيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلِيَكُفُرْ إِنَّا أَعْذَنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرُادُفُهَا وَإِنْ يَسْتَعْيِنُوا بِغَائِنُوا بِمَا إِكْلَمْهُلْ يَشْوِي الْوُجُوهَ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاعَتْ مُرْتَقًا.

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya. Kerana kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.

Melalui ayat ini dilihat para pentafsir ayat seperti al-Tabari (2009), al-Shanqithi (2006), Sayyid Qutb (2006) dan Ibn Kathir (2004) mentafsirkan dengan menyatakan pemilihan yang telah diberikan oleh Allah untuk menjadi seorang yang beriman atau kufur adalah suatu pemilihan yang tidak mutlak. Tetapi ianya adalah untuk menakutkan sebagai ancaman atau peringatan dengan gambaran azab api neraka sebagai balasan bagi mereka yang memilih untuk ingkar terhadap Allah. Ayat kedua yang dipilih untuk menjelaskan mengenai kebebasan agama adalah firman Allah SWT dalam surah al-Kafirun ayat 6,: Bermaksud: “Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku”.

Firman Allah ini diturunkan sebagai salah satu bentuk janji dan ancaman supaya hambanya berasa takut. Bagi mereka yang memilih untuk ingkar terhadap Allah maka api neraka telah disediakan kepada mereka sebagai balasan (al-Shanqiti 2006). Kemudian tafsiran yang dibawa oleh Sayyid Qutb (2000) pula adalah Tauhid dan Syirik merupakan suatu yang jelas. Tidak ada sebarang jalan atau titik pertemuan yang boleh menghubungkan keduanya. Hal ini kerana golongan musyrik dan golongan yang mempunyai agama (Tauhid) adalah berbeza. Terdapat pendapat lain juga menyatakan ayat ini bermaksud kedua-dua golongan ini iaitu golongan musyrik dan golongan agama (Tauhid) masing-masing akan mendapat mereka yang tersendiri (al-Shawkani 2008). Ayat seterusnya yang menerangkan tentang hak kebebasan beragama adalah seperti berikut (al-Baqarah 2: 256):

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّسُدُ مِنَ الْغَيْرِ فَمَن يَكْفُرُ بِاللَّهِ أَعْلَمُ بِمَا يَصْنَعُ وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْأَعْرُوْةِ الْمُتَّقِيَّ لَا إِنْفِصَامٌ  
أَهْمَّ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Melalui ayat ini, Sayyid Qutb (2000) menyatakan seseorang itu telah diberikan pilihan dan membuat keputusan ke atas diri mereka sendiri dan mereka perlu bertanggungjawab di atas setiap pilihan yang dilakukan. Hal ini kerana menurut beliau juga tiada paksaan dalam beragama bagi seseorang itu. Pernyataan yang sama juga disebut oleh Ibn Kathir (2004) dan al-Syawkani (2008) yang mana tiada paksaan meskipun dengan perang dan mata pedang. Kemudian al-Tabari (2009) dan al-Shanqiti (2006) menerangkan bahawasanya pada ayat ini terdapat beberapa pendapat dan keduanya merujuk kepada kisah atau riwayat yang menceritakan mengenai seorang wanita yang ingin menjadikan anaknya seorang Yahudi sekiranya kelak dia mendapat anak seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam Sunan Abi Dawud pada kitab *al-Jihadi al-Islam* iaitu,

“كَانَتْ اُمِّ رَأْهَةُ تَكُونُ مَقْلَاتِا فَجَعَلَ عَلَى نَفْسِهَا إِنْ عَاشَ لَهَا وَلَدٌ أَنْ تُهَوَّدَهُ فَلَمَّا أَجْلَيْتُهُ بِئْرَ اللَّهِ كَانَ فِيهِمْ  
مِنْ أَبْنَاءِ الْأَنْصَارِ فَقَالُوا لَا نَدْعُ أَبْنَاءَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ ( لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّسُدُ مِنَ الْغَيْرِ ) قَالَ أَبُو  
ذَؤْدَ الْمِقْلَاتُ الَّتِي لَا يَعِيشُ لَهَا وَلَدٌ .

Maksudnya: “Ada seorang wanita yang bermasalah untuk mempunyai anak, berjanji kepada dirinya, jika puteranya hidup, maka ia akan menjadikannya Yahudi. Dan ketika Bani Nadir diusir, dan di antara mereka terdapat anak-anak kaum Ansar, maka mereka berkata, “kami tidak mendakwahi anak-anak kami” (Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud, Kitab al-Jihadi al-Islam, Bab fi al-Asir Yukrahu*, No. 2682)..

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh ‘Abd al-Rahman (t.th.), lafaz Ibnu Bashir (daripada Shu’bah), iaitu Ash’as bin Abi A’di dan Wahab bin Jarir semuanya ini daripada Shu’bah sebagaimana yang disebut dalam kitab مرقة الصعود (maka menjadikan dirinya): iaitu

sekiranya anaknya hidup akan dijadikan dia seorang Yahudi, Maka Allah swt menurunkan ayat (لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ). Disini menunjukkan bahawa, ibu bapa tiada hak dalam menetapkan agama bagi anaknya. Jadi, bebas memilih sebarang agama yang ingin dianuti.

Selain itu terdapat beberapa hadis lain yang boleh difahami berkaitan hak kebebasan beragama. Antara hadis tersebut seperti:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا مُّعَاهَدًا لَمْ يَرْجِعْ رَأْيَهُ أَلْجَةً وَإِنَّ رِبَّهَا لَئِنْجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا.

Maksudnya: “Barangsiapa membunuh jiwa yang ada perjanjian damai, maka dia tidak akan mencium wangian syurga, padahal sesungguhnya wangian syurga sungguh dapat terciun dari jarak perjalanan empat puluh tahun” (al-Bukhari, *Kitab al-Diyat, Bab Man Qatala Mu’ahadan*. No. 6914).

Pada hadis ini, Imam al-Bukhari menyatakan larangan memerangi orang kafir yang mengadakan perjanjian damai dengan orang Islam. Tidak kira samada perjanjian itu berbentuk ufti, jaminan perlindungan dari Sultan, jaminan keamanan dari seorang muslim, jaminan perlindungan Allah atau jaminan perlindungan daripada Rasul. Ini menunjukkan pengiktirafan agama selain agama Islam dan dilarang keras bagi yang ingin membunuh terutamanya kalangan Kafir *Muaahad* (Ibn Hajar 2008). Terdapat satu lagi hadis yang boleh dikaitkan dengan perbahasan mengenai hak kebebasan beragama seperti,

مِنَ الْكَبَائِرِ أَنْ يَشْتُمُ الرَّجُلُ وَالَّذِي هُوَ قَاتِلُهُ: وَكَيْفَ يَشْتُمُ الرَّجُلُ وَالَّذِي هُوَ قَاتِلُهُ قَاتِلٌ يَسْبُطُ أَبَا الرَّجُلِ فَيَسْبُطُ أَبَاهُ وَيَسْبُطُ أُمَّهُ فَيَسْبُطُ أُمَّهُ.

Maksudnya: “Ditanyakan pada beliau, ‘Mungkin seorang itu mencela kedua orang tuanya sendiri?’ ‘Rasulullah saw bersabda, ‘Ya, tatkala seseorang mencela ayah orang lain, bererti ia mencela ayahnya sendiri, demikian jika ia mencela ibu orang lain, bererti ia mencela ibunya sendiri’” (al-Tirmidhi, *Kitab al-Bir wa Silah. Bab. Min Kaba’iri ‘an Yashtuma al-Rajulu Walidayhi*, No. 6493. Hukum Hadith: al-Albani berkata, “*Sahih at-Tirmidhi*” (al-Albani, *Sahih al-Tirmidhi*).

Hadis di atas menunjukkan antara perkara yang menjadi dosa besar ialah mengingkari kedua ibu bapa. Perkara ini termasuklah mencela kedua ibu bapa (Muhammad Abdul Rahman 1990). Begitu jugalah dengan hal agama, adalah menjadi satu dosa apabila seseorang yang telah memeluk agama Islam tetapi tidak taat kepada agama. Jadi, sekiranya kita tidak mahu agama Islam dicela, maka dilarang mencela agama lain.

Secara keseluruhannya, kedua-dua pandangan Barat dan Islam mempunyai perbezaan yang amat ketara mengenai hak kebebasan beragama. Antara pandangan lain yang boleh diambil disini seperti kebebasan beragama dan iktikad adalah kebebasan pertama yang dibawa oleh Islam. Islam mengajak manusia supaya beriman dengan risalahNya secara bebas dan sukarela tanpa paksaan. Ini kerana, keimanan yang dipaksa tidak diterima oleh Islam. Agama itu juga bukan suatu permainan. Bagi seseorang yang telah yakin Islam sebagai agama adalah menjadi satu kewajipan terus menganutinya, jika tidak akan terdedah kepada hukuman murtad (Qaradawi 1926).

Kemudian Mohammad Hashim Kamali (1998) pula, menyatakan bahawa wujud perbezaan konsep kebebasan beragama antara negara Islam dan Barat. Bagi negara Islam, kebebasan beragama menjadi suatu yang penting dalam undang-undang kerana sistem perundangan Islam tidak mewujudkan pengasingan antara undang-undang dan prinsip agama.

Oleh itu, hak kebebasan beragama yang dimaksudkan dalam Islam adalah hak kepada individu untuk membuat pilihan untuk menganuti sebarang agama dan mengamalkan upacara agama kerana ianya merupakan satu fitrah (Awdah 2010). Jika seseorang itu telah memilih agama Islam maka larangan keras ke atas individu tersebut untuk keluar daripada agama Islam bagi menjaga integriti agama Islam itu sendiri. Oleh itu, hak kebebasan beragama keatas individu tersebut tertakluk dengan syarat tidak mengambil hak orang lain dan melanggar undang-undang Tuhan (al-Zuhayli 2005).

Rangkuman yang dapat dilihat, Kebebasan beragama dalam Islam bukanlah suatu yang mutlak. Meskipun seseorang itu mempunyai hak untuk memilih agamanya sendiri tanpa sebarang paksaan tetapi ianya masih tertakluk kepada undang-undang. Bagi seseorang yang telah memilih Islam sebagai agama, perlulah mengamalkan ajaran Islam sebagaimana yang telah digariskan oleh agama, begitu juga dengan agama lain. Bagi mereka yang memilih untuk tidak menjadikan Islam sebagai jalan hidup maka ancaman azab yang pedih buat mereka di hari akhirat.

## **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian tinjauan telah dipilih untuk menjawab objektif kajian ini. Dengan menggunakan kaedah pensampelan *nonprobability* di samping teknik pensampelan bertujuan atau *purposive sampling* sebanyak 435 set soal selidik dari kalangan penuntut Universiti Awam telah dianalisis. Daripada jumlah tersebut, 10% daripada setiap kategori kaum di Malaysia dinisbahkan kepada jumlah responden yang akan diambil iaitu seramai 291 orang kaum melayu, 98 orang kaum cina, 30 orang kaum India dan 5 orang daripada kaum lain-lain. Data-data yang diperolehi dianalisis dan telah diberikan interpretasi mengikut nilai min seperti yang terdapat di bawah pada jadual 1.

Jadual 1 Skor Min dan Interpretasi Min

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Min</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2. 60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa (2014)

## Dapatan Kajian

### Profil Responden

Bahagian ini dibahagikan mengikut jantina, IPTA, dan kaum. Secara keseluruhannya, profil responden kajian yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan jantina menunjukkan seramai 435 orang. Seramai 117 orang (26.0 %) terdiri daripada responden (mahasiswa) lelaki dan seramai 318 orang (73.1%) daripada responden (mahasiswa) perempuan. Ini menunjukkan responden (mahasiswa) perempuan lebih ramai daripada responden (mahasiswa) lelaki. Bagi profil responden mengikut Institusi Pengajian Tinggi, responden daripada Universiti Malaya paling tinggi jumlahnya iaitu 59 orang responden (mahasiswa) (36.6%). Profil responden mengikut kaum pula, kaum Melayu adalah responden (mahasiswa) paling ramai iaitu 300 orang (69.0%) Peratusan keseluruhan sebagaimana ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah.

#### a. Jantina

Jadual 2 Taburan Responden mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lelaki	117	26.9 %
Perempuan	318	73.1 %
<b>Jumlah</b>	<b>435</b>	<b>100.0 %</b>

Sumber: Soal selidik 2018

### Persepsi Mahasiswa Terhadap Hak Kebebasan Beragama

Jadual 2 di bawah menunjukkan respons yang diberikan oleh responden bagi setiap item ang menguji persepsi mahasiswa terhadap konsep hak kebebasan beragama. Nilai-nilai yang diperolehi daripada analisis ini adalah ; (C01) Sistem perundangan Islam tidak mewujudkan pengasingan antara undang-undang dan prinsip agama (min = 3.62, sp = 0.96), (C02) Tiada apa-apa jenis kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan yang boleh digunakan untuk memaksa orang untuk memeluk Islam (min = 4.11, sp = 0.88), (C03) Fungsi asas negara Islam adalah untuk memantau kuasa-kuasa yang mungkin berusaha untuk menafikan kebebasan kepercayaan rakyat (min = 3.74, sp = 0.89), (C04) Fungsi asas negara Islam adalah menghalang kuasa-kuasa yang mungkin berusaha untuk menafikan kebebasan kepercayaan rakyat (min = 3.69, sp = 0.96), (C05) Semua orang berhak dan bebas untuk menganuti sebarang agama (min = 4.26, sp = 0.84), (C06) Seseorang yang telah memilih agama Islam tidak boleh keluar daripada Islam sama sekali (min = 3.68, sp = 1.37), (C07) Larangan keras untuk keluar dari agama Islam (murtad) adalah untuk menjaga integriti agama Islam (min = 3.80, sp = 1.22), (C08) Hak kebebasan beragama ialah memilih, menganut serta mengamalkan upacara agamanya tanpa rasa takut atau gangguan dari orang lain (min = 4.33, sp = 0.77), (C09) Kebebasan beragama juga bermaksud tidak dibenarkan untuk memaksa keyakinan dirinya kepada orang lain (min =

4.12, sp = 0.78), (C10) Hak kebebasan beragama ini merangkumi hak perseorangan dan juga hak kumpulan (min = 4.11, sp = 0.82), (C11) Hak kebebasan beragama ini dijamin untuk semua orang, tidak mengira agama dan keturunan (min = 4.29, sp = 0.79), (C12) Seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganut agama Islam (min = 4.44, sp = 0.72), ( C13) Seseorang yang dirampas hak kebebasan pegangannya (Iktikadnya) bermaksud hak insaninya dirampas (min = 4.09, sp = 0.81), (C14) Dilarang mencela agama anutan orang lain (min = 4.54, sp = 0.75), (C15) Ibu bapa tiada hak dalam menetapkan agama terhadap anaknya (min = 3.32, sp = 1.27).

Kemudian (C16) Kebebasan ialah memisahkan urusan Negara dengan urusan persendirian (min = 3.35, sp = 1.22), (C17) Kebebasan beragama bersifat individu (min = 3.98, sp = 1.03), (C18) Bebas ialah bebas dalam membuat keputusan menggunakan akal dan hujah logik (min = 3.86, sp = 1.11), (C19) Bebas ialah keluar daripada kongkongan agama (min = 2.83, sp = 1.27), (C20) Kebebasan ialah mengiktiraf peranan akal sebagai sumber paling utama dalam pengambilan ilmu (min = 3.58, sp = 1.13), (C21) Prinsip kebebasan ialah menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia (min = 2.68, sp = 1.32), (C22) Kebebasan memiliki sistem nilainya yang tersendiri (min = 3.78, sp = 0.96), (C23) Semua orang bebas mentafsir agama, atau Tuhan (min = 3.13, sp = 1.41), (C24) Semua orang bebas berbahas soal agama (min = 3.65, sp = 1.16), (C25) Akal rasional mampu memahami fenomena alam dengan sendiri (min = 3.56, sp = 1.176, (C26) Masyarakat akan terus berada dalam kemunduran jika masih kuat berpegang pada agama (min = 2.37, sp = 1.38), (C27) Agama dan Tuhan tiada kuasa atas urusan masyarakat (min = 2.27, sp = 1.38), (C28) Semua agama boleh diterima dan benar, sebab tujuannya adalah satu, hanya jalannya sahaja berlainan (min = 3.18, sp = 1.45), (C29) Kebebasan ialah bertoleransi, berfikiran luas dan tidak terkongkong dengan satu aliran semata-mata serta merangkumi segenap aspek kehidupan (min = 3.92, sp = 0.99), (C30) Kebebasan beragama adalah untuk menjaga Hak Asasi Manusia meskipun dalam perkara yang kecil (min = 4.10, sp = 0.92).

Dapatan menunjukkan bahawa secara umumnya responden (mahasiswa) memberi respons yang baik. Dapatan yang diperolehi daripada setiap item berada pada tahap min Tinggi, Sederhana dan Rendah. Berdasarkan semua skor min item-item tersebut, item (C14) dilarang mencela agama anutan orang lain adalah skor min yang tertinggi (min = 4.54, sp = 0.76). Manakala item (C27) Agama dan Tuhan tiada kuasa atas urusan masyarakat (min = 2.27, sp = 1.38) memperolehi nilai min paling rendah. Bagi keseluruhan item persepsi mahasiswa di Universiti Awam terhadap hak kebebasan beragama berada pada tahap tinggi iaitu dengan purata min keseluruhan ialah 3.67 dan sisihan piawai 1.09. Ini menunjukkan bahawa responden (mahasiswa) mempunyai pandangan yang positif terhadap konsep hak kebebasan beragama. Ringkasan maklumat yang telah disebut di atas boleh dilihat dalam jadual 0.0 di bawah ini.

Jadual 3: Persepsi Mahasiswa Terhadap Hak Kebebasan Beragama

BIL.	Item	Min	SP	Tahap
C01	Sistem perundangan Islam tidak mewujudkan pengasingan antara undang-undang dan prinsip agama.	3.62	0.96	Tinggi

C02	Tiada apa-apa jenis kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan yang boleh digunakan untuk memaksa orang untuk memeluk Islam.	4.11	0.88	Tinggi
C03	Fungsi asas negara Islam adalah untuk memantau kuasa-kuasa yang mungkin berusaha untuk menafikan kebebasan kepercayaan rakyat.	3.74	0.89	Tinggi
C04	Fungsi asas negara Islam adalah menghalang kuasa-kuasa yang mungkin berusaha untuk menafikan kebebasan kepercayaan rakyat.	3.69	0.96	Tinggi
C05	Semua orang berhak dan bebas untuk menganuti sebarang agama.	4.26	0.84	Tinggi
C06	Seseorang yang telah memilih agama Islam tidak boleh keluar daripada Islam sama sekali.	3.68	1.37	Tinggi
C07	Larangan keras untuk keluar dari agama Islam (murtad) adalah untuk menjaga integriti agama Islam.	3.80	1.23	Tinggi
C08	Hak kebebasan beragama ialah memilih, menganut serta mengamalkan upacara agamanya tanpa rasa takut atau gangguan dari orang lain.	4.33	0.77	Sangat Tinggi
C09	Kebebasan beragama juga bermaksud tidak dibenarkan untuk memaksa keyakinan dirinya kepada orang lain.	4.12	0.77	Tinggi
C10	Hak kebebasan beragama ini merangkumi hak perseorangan dan juga hak kumpulan.	4.11	0.82	Tinggi
C11	Hak kebebasan beragama ini dijamin untuk semua orang, tidak mengira agama dan keturunan.	4.29	0.79	Sangat Tinggi
C12	Seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganut agama Islam.	4.44	0.72	Sangat Tinggi
C13	Seseorang yang dirampas hak kebebasan pegangannya (Iktiqadnya) bermaksud hak insaninya dirampas.	4.09	0.81	Tinggi
C14	Dilarang mencela agama anutan orang lain.	4.54	0.75	Sangat Tinggi
C15	Ibu bapa tiada hak dalam menetapkan agama terhadap anaknya.	3.32	1.26	Sederhana
C16	Kebebasan ialah memisahkan urusan Negara dengan urusan persendirian.	3.35	1.23	Sederhana
C17	Kebebasan beragama bersifat individu.	3.98	1.03	Tinggi
C18	Bebas ialah bebas dalam membuat keputusan menggunakan akal dan hujah logik.	3.86	1.11	Tinggi
C19	Bebas ialah keluar daripada kongkongan agama.	2.83	1.27	Sederhana
C20	Kebebasan ialah mengiktiraf peranan akal sebagai sumber paling utama dalam pengambilan ilmu.	3.58	1.13	Tinggi
C21	Prinsip kebebasan ialah menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia.	2.68	1.32	Sederhana
C22	Kebebasan memiliki sistem nilainya yang tersendiri	3.78	0.96	Tinggi

C23	Semua orang bebas mentafsir agama, atau Tuhan.	3.13	1.42	Sederhana
C24	Semua orang bebas berbahas soal agama.	3.65	1.16	Tinggi
C25	Akal rasional mampu memahami fenomena alam dengan sendiri.	3.56	1.17	Tinggi
C26	Masyarakat akan terus berada dalam kemunduran jika masih kuat berpegang pada agama.	2.37	1.39	Rendah
C27	Agama dan Tuhan tiada kuasa atas urusan masyarakat.	2.27	1.38	Rendah
C28	Semua agama boleh diterima dan benar, sebab tujuannya adalah satu, hanya jalannya sahaja berlainan.	3.18	1.45	Sederhana
C29	Kebebasan ialah bertoleransi, berfikiran luas dan tidak terkongkong dengan satu aliran semata-mata serta merangkumi segenap aspek kehidupan.	3.92	0.99	Tinggi
C30	Kebebasan beragama adalah untuk menjaga Hak Asasi Manusia meskipun dalam perkara yang kecil.	4.10	0.93	Tinggi
	<b>Purata Min Keseluruhan</b>	<b>3.67</b>	<b>1.09</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal Selidik 2018

## Perbincangan

### Persepsi Mahasiswa Terhadap Hak Kebebasan Beragama

Melalui analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa persepsi mahasiswa terhadap hak kebebasan beragama juga berada pada tahap yang tinggi dengan skor Min 3.67 dengan sisihan piawai 1.09. Daripada 30 jumlah item yang dikemukakan terdapat 3 item telah mendapat skor min sangat tinggi item tersebut ialah item bilangan 14 “Dilarang mencela agama anutan orang lain”, bilangan 12 “Seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganut agama Islam”, bilangan 8 “Hak kebebasan beragama ialah memilih, menganut serta mengamalkan upacara agamanya tanpa rasa takut atau gangguan dari orang lain”.

Ketiga-tiga item tersebut 14, 12 dan 8 dilihat cenderung dengan apa yang telah digariskan menurut perspektif agama Islam. Mengenai larangan mencela sebarang anutan atau sembahyang orang lain. Perkara ini telah disebut dalam firman Allah SWT tentang larangan memaki *ilah-ilah* yang diibadahi oleh mereka (selain agama Islam) sebagaimana yang disebut dalam surah al-An’am:

وَلَا تُشْبِهُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيُسْبِهُوا اللَّهُ عَذْوًا بِعِزْرٍ عَلِمَ كُلُّكُمْ رَبِّيْنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَتَّهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Dan janganlah kamu memaki sembahyang-sebahyang yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah mereka kembali, lalu Dia memberitakan kepada mereka yang dahulu mereka kerjakan”

Perkara ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis yang mengenai larangan mencela ibu dan bapa sebagaimana yang diterangkan oleh Muhammad Abdul Rahman (1990). Hadis ini boleh juga dirujuk berkaitan dengan mencela hal agama. Jadi adalah dilarang untuk mencela dan memaki agama lain sekiranya tidak mahu agama yang dianuti dicela dan dimaki.

Begitu juga dengan persepsi mahasiswa mengenai hak ibu bapa dalam menentukan agama terhadap anak. Ini menunjukkan bahawa mereka berpendapat bahawasanya siapa-siapa pun tiada hak dalam menentukan agama seseorang meskipun kedua ibu bapa mereka sendiri (Abdul Rahman t.th). Hal ini turut berkaitan dengan perlombagaan persekutuan dalam perkara 12 (3) dan 12 (4) yang menekankan had umur bagi mendapatkan kelayakan seseorang untuk menukar agama adalah 18 tahun sekiranya tidak mendapat kebenaran daripada ibu bapa (Zuliza 1999). Tambahan juga seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk masuk ke dalam agama Islam (al-Shanqithi 2006; al-Tabbari 2009; al-Shawkani 2008). Meskipun begitu, dalam Islam mereka bertanggungjawab keatas pilihan mereka sendiri (Qutb 2000) ini kerana Allah telah memberikan peringatan mahupun ancaman bagi mereka yang memilih selain daripada agama Islam atau menjadi kafir, Allah telah menyediakan azab bagi mereka (Ibn Kathir 2004).

Persepsi mahasiswa dilihat positif mengenai hak kebebasan beragama adalah dengan memilih, menganut serta mengamalkan upacara agama tanpa rasa takut dan diganggu oleh orang lain. Ini menunjukkan mereka berasa selamat untuk menganut sesuatu agama kerana ianya adalah fitrah bagi seorang manusia tidak merasa takut untuk memeluk mana-mana agama (Mutsalim Khareng 2016) dan individu bebas memilih tanpa rasa diancam (Awdah 2010).

Ketiga-tiga item persepsi yang paling tinggi ini sedikit sebanyak wujudnya persamaan dengan pandangan yang dibawa oleh Barat. Barat mereka beranggapan bahawa semua orang mempunyai hak untuk menukar sebarang agama mengikut kepercayaan agama masing-masing (Curzon 2006). Perbezaan disini adalah apabila mereka melihat sesuatu kebenaran itu sebagai sesuatu yang relatif dan akal rasional mampu memahami fenomena alam dengan sendiri (Idris Zakaria 2006; Khalif Muammar 2009) ini bermaksud, termasuklah hal-hal beragama. Pemahaman Barat ini jauh berbeza dengan Islam. Selain itu, Barat berpendapat setiap orang bebas memilih mana-mana agama kerana ianya merupakan hak individu dan tiada siapa yang boleh mengancam mereka. Ini menunjukkan mereka juga bebas memilih untuk tidak berpegang kepada agama. Perkara ini menyebabkan, Barat berpandangan mereka akan mundur selagi mana mereka berpegang kepada agama dan Tuhan (Idris Zakaria 2006; Khalif Muammar 2009).

Dapatan ini menunjukkan bahawa semua orang yang berada di Malaysia bebas beragama tanpa dipaksa untuk memeluk Islam meskipun atas arahan ibu dan bapa tetapi masih tertakluk kepada perlombagaan persekutuan. Perbuatan mencela agama lain adalah satu kesalahan bagi setiap orang. Meskipun begitu tidaklah bermaksud Islam mengiktiraf atau membenarkan agama lain tetapi ianya hanyalah sebagai satu penghormatan. Hal ini kerana agama yang benar itu adalah agama Islam sahaja. Perkara ini berbeza dengan budaya barat yang mana mereka menganggap semua agama adalah benar (Idris Zakaria 2006).

## Kesimpulan

Hasil dapatan keseluruhannya, penyelidik mendapati bahawa persepsi mahasiswa terhadap hak kebebasan beragama adalah tinggi ( $\text{min}=3.67$ ,  $\text{sp}=1.09$ ). Keputusan ini menggambarkan bahawa responden (mahasiswa) mempunyai persepsi atau pandangan yang baik terhadap hak

kebebasan beragama ini. Dengan medium yang pelbagai bagi mendapatkan maklumat, telah membantu membentuk persepsi dan pandangan yang positif. Meskipun begitu universiti awam perlulah memainkan peranan dalam menjadi medium yang paling dekat kepada mahasiswa dalam menjadikan mahasiswa yang mengambil berat dan lebih cakna perkara yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama. Penjelasan yang ditunjukkan dalam kajian ini dilakukan supaya dapat melahirkan persepsi atau pandangan hak kebebasan beragama yang benar dan tidak menyalahi maksud yang telah tercatat dalam perlembagaan. Persepsi atau pandangan benar penting melahirkan mahasiswa yang cinta akan agama dan Negara seterusnya melahirkan generasi yang mempunyai jati diri dan pendirian yang teguh terhadap sesuatu perkara.

## Rujukan

- ‘Abd al-Rahman Muhammad ‘Uthman. t.th. ‘Awn al- Ma ‘bud: Sharah Sunan Abi Dawud. Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- Abdul Aziz Bari. 2001. Poligami dan kebebasan beragama di bawah Perlembagaan Persekutuan. *Jurnal Syariah* 9(2): 123-129.
- Abdul Aziz Bari. 2002. Hak asasi dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang lingkup dan masalahnya. *Jurnal al-Syariah* 10(1): 53-70.
- Abdul Aziz Bari. 2006. *Politik Perlembagaan Suatu Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa dari sudut Perlembagaan dan Undang-undang*. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar (IKD).
- Abdul Aziz Bari. 2008. *Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Arah Publication.
- Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah Dan Konsepnya. Bangi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adian Husaini. 2005. *Wajah Peradaban Barat: Dari Hegemoni Kristian ke Dominasi Sekular-Liberal*. (Pnyt.) Wisnu Pramudya. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2016. *Mengendali Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Malik Thoha. 2005. *Tren Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. (Pnyt.) Wisnu Pramudya & Nuim Hidayat. Jakarta: Perspektif Publication.
- al-‘Asqalani, Ibn Hajar. 2008. *Fath al-Bari Sharah Sahih al-Bukhari*. Jil. 7 & 33. Terj. Amiruddin. Jakarta: Pustaka Azam
- al-Attas, Syed Naquib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Awdah, ‘Abd al-Qadir. 2010. *al-Tashri‘ al-Jina‘i fi al-Islam Muqararan bi al-Qanun al-Wad‘i*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Curzon, L.B. 2006. *Dictionary of Law*. Shah Alam: ILBS
- Ezad Azraai Jamsari, Mohd Al Adib Samuri, salmy Edawaty Yaacob, Noor Aziah Mohd Awal, Izhar Ariff Mohd Kashim & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2011. Penetapan Ahli Sunnah wal al-Jamaah sebagai definisi Islam di Malaysia: Hak penyebaran agama bagi kumpulan agama minoriti. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 15: 31-42.
- Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa. 2014. *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

- Hashim Kamali. 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd.
- Haslina Ibrahim. 2014. "Dalam kepelbagaian agama kepada pluralisme agama: Sejarah perkembangan" Dlm. *Pluralisme Agama Satu Penelitian*. Penyt. Mohd Farid Mohd Shahran. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Idris Zakaria. 2006. *Liberalisma dan Pluralisma Agama Ancaman Baru Islam di Malaysia*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Khalif Muammar. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkuat Tawhid di Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: CASIS
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (pnyt.). 1988. *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2003. Hak tukar agama dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik antara kebebasan beragama dan hukum Islam. *Jurnal Syariah* 11(1): 23-26.
- Muhammad, 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim. 1990. *Tuhfatush al-Ahwazi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Nazri Muslim & Ahmad Hidayat Buang. 2012. Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 20: 115-129.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1926. *Fiqh Jihad*. al-Qahirah: Maktabat al-Wahbah.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir fi Zilalil Qur'an*. Jil. 2, 4, 8, 20, & 17. terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Salleh Abbas. 1997. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Shamrahyu A. Aziz. 2018. *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM Press.
- al-Shanqiti. 2006. *Tafsir Adwa' al-Bayan*. Jil. 1, 2, 4 & 11. Terj. Fathurazi. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali. 2008. *Tafsir Fathul Qadir*. Jil. 2, 3, & 12. Terj. Amir Hamzah Fachruddin & Asep Saefullah. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Tri Yuliana Wijayanti. 2016. Konsep kebebasan beragama dalam Islam dan Kristian, *PROFETIKA Jurnal Studi Islam* 1(1): 16-22.
- Undang-undang Malaysia. 2009. Perlembagaan Persekutuan pindaan terkini P.U.(A) 164/2009.
- Yousif, A.F. 1999. Religious Freedom, Minorities, and Islam: A Challenge to Modern Theory of Pluralism. *Jurnal IKIM* 7(1): 62-66.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2005. *Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*. Jil. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuliza Mohd Kusrin. 1999. Kebebasan Beragama dan Implikasinya Terhadap Pemelukan Islam di Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Hasan & Norfahdhilah Mohd Ali. 2007. Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia. *Diskusi Syariah dan Undang-undang*. USIM. Hlm. 1-17.